


**SINGAPURA**

# Mahasiswa NTU akan diberi akses kepada alat Google AI di bawah rombakan kurikulum

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) akan memberi kesemua mahasiswanya akses penuh kepada alat Google AI mulai Ogos 2026, sebagai sebahagian daripada usaha menyepadukan AI ke dalam kurikulumnya.

Anggaran Waktu Membaca: 3 min



Gambar logo Universiti Teknologi Nanyang. (Gambar fail: CNA/Calvin Oh)

Diterbitkan : 06 Apr 2026 07:46PM Dikemas Kini : 06 Apr 2026 07:48PM

## **Aa**

Penanda

[WhatsApp](#)[Facebook](#)[Twitter](#)[Email](#)[LinkedIn](#)

Baca ringkasan artikel ini menggunakan FAST.

## **FAST**

SINGAPURA: Universiti Teknologi Nanyang (NTU) akan memberi kesemua mahasiswanya akses penuh kepada alat Google AI mulai Ogos 2026, sebagai sebahagian daripada usaha menyepadukan

AI ke dalam kurikulumnya.

Alat-alat itu termasuk Gemini Enterprise, Google AI Studio dan Vertex AI.

Dalam kenyataan medianya pada Isnin (6 Apr), NTU menyatakan ia merancang untuk meningkatkan jumlah kursus yang menerapkan AI kepada kira-kira 40 peratus menjelang 2030, naik daripada kira-kira 5 peratus sekarang.

NTU menambah ia adalah yang pertama di Singapura yang menerapkan AI dalam pendidikannya pada skala tersebut.

## **ALAT AI PERCUMA**

Mahasiswa akan diberikan kredit pengkomputeran untuk menggunakan sofwe Google bagi membina dan menggunakan agen AI mereka sendiri untuk pembelajaran dan penghuraian masalah.

Mereka boleh mencipta berpuluh-puluh agen AI sedemikian bagi menyokong pembelajaran mereka, menurut NTU.

"Agen-agen itu mudah alih - para siswazah NTU boleh terus menggunakannya dan menambah baik alat-alat itu walaupun selepas mereka memasuki alam pekerjaan bagi meningkatkan daya penghasilan mereka.

"Ciri-ciri itu akan menjadikan siswazah universiti itu sangat berdaya saing dalam pasaran pekerjaan," menurut NTU.

Langkah itu dilakukan hasil rundingan bersama Kesatuan Pelajar NTU, menurut sekolah itu, sambil menambah bahawa akses kepada sofwe Google akan ditawarkan kepada semua mahasiswa, tidak kira jurusan mereka.

"Alat-alat itu disesuaikan kepada pelbagai jenis latar belakang teknikal, daripada pengguna kali pertama hingga ke pengguna lebih berpengalaman, membantu para pelajar meneroka kaedah pembelajaran baharu."

## **KURSUS DITERAPKAN AI**

Separuh daripada kursus yang diterapkan AI akan menggunakan AI untuk menghasilkan pembelajaran lebih diperibadikan dan membantu para mahasiswa lebih memahami bahan-bahan pembelajaran yang mencabar, manakala lagi separuh akan memberi tumpuan kepada pembinaan, penggunaan dan pengurusan ejen AI untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar, menurut NTU.

Ia menambah platform Penolong Pembelajaran AI NTU akan membolehkan tenaga pengajar untuk menghasilkan pendidik AI yang terlatih dengan bahan-bahan kursus bagi membantu para mahasiswa mengatasi jurang pembelajaran sendiri sepanjang masa.

Dalam kumpulan kedua kursus, para mahasiswa akan melibatkan diri dalam pembelajaran berasaskan isu, menangani masalah dunia sebenar dari industri, pemerintah dan masyarakat.

"Matlamatnya adalah untuk menghasilkan siswazah yang bukan sahaja dapat mempelajari secara berterusan dengan pendidik AI tetapi juga menghasilkan dan bekerja secara lebih cekap menggunakan agen-agen AI," menurut NTU.

NTU memberi contoh seorang mahasiwa jurutera yang menghasilkan sebuah kereta baharu, sambil menarik perhatian bahawa mereka boleh menggunakan agen-agen AI untuk melakarkan pelbagai pilihan reka bentuk dan mensimulasikan potensi penggunaan tenaga.

## **PENGGUNAAN AI SECARA BERTANGGUNGJAWAB**

Presiden NTU Profesor Ho Teck Hua menyifatkan NTU sebagai salah satu universiti terbaik di dunia bagi penyelidikan AI dan "berada pada kedudukan baik untuk merintis model pendidikan baharu bersama AI".

"Sebagai contoh, seorang mahasiswa jurusan perniagaan mungkin menggunakan agen AI untuk menjalankan eksperimen kawalan rawak untuk menguji pelbagai mata harga bagi produk baharu di laman web e-dagang," katanya.

Profesor Ho yang juga adalah pengerusi eksekutif pengasas AI Singapore dan anggota jawatankuasa modal insan Semakan Strategi Ekonomi (ESR) berkata: "Dengan menerapkan AI dalam kurikulum kami, siswazah NTU akan meninggalkan universiti kita bukan sahaja dengan pemahaman mendalam mengenai AI, tetapi juga pelbagai agen-agen AI yang bersedia untuk digunakan sejak hari pertama mereka memulakan pekerjaan.

"Koleksi agen-agen AI ini akan menjadi pembeza utama bagi siswazah kami."

NTU menyatakan para mahasiswa akan diajar untuk menggunakan AI secara bertanggungjawab, termasuk menilai ketepatan dan kesan etika terhadap hasil yang dijana oleh ejen AI.

Kemahiran itu akan diajar dalam kursus yang diwajibkan iaitu "Sains dan Teknologi bagi Kemanusiaan".

*Sumber : CNA/HA/ha*

<https://berita.mediacorp.sg/singapura/mahasiswa-ntu-akan-diberi-akses-kepada-alat-google-ai-di-bawah-rombakan-kurikulum-1020371>